



ASN Imbang 3 Global

Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 Jun 2023

NOTIS KEPADA PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit Amanah Yang Dihormati,

PENERBITAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BAGI ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL, (ASN IMBANG 3 GLOBAL) BERTARIKH 1 APRIL 2023

Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda bahawa Prospektus ASN Imbang 3 Global bertarikh 16 September 2020 (Prospektus) dan Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang 3 Global (PTP) bertarikh 20 Oktober 2021 telah dikemas kini melalui Prospektus Tambahan Kedua yang bertarikh 1 April 2023 (PTKD). Kemas kini yang dilakukan di dalam Prospektus dan PTP adalah seperti berikut:

- 1) Kemas kini definisi berkenaan "*Cooling-off Right*", "*Eligible Market*" dan "*MSCI ACWI Islamic*" di bawah "*Glosari Terma / Singkatan*";
- 2) Penambahan definisi berkenaan "*BNM*" dan "*Distribution Channel*" di bawah "*Glosari Terma / Singkatan*";
- 3) Kemas kini berkenaan "Penanda Aras Tabung" dan "Had dan Sekatan Pelaburan" di bawah "*Informasi Tabung*";
- 4) Kemas kini berkenaan "*Komisen Ringan*" di bawah "*Fi, Caj dan Perbelanjaan*";
- 5) Kemas kini berkenaan "*Jualan Balik Dana*" di bawah "*Butir-butir Transaksi*";
- 6) Kemas kini berkenaan "*Polisi Pelaburan*" di bawah "*Butir-butir Transaksi*";
- 7) Kemas kini berkenaan "*Tempoh Bertenang*" untuk memberi kejelasan dan kefahaman yang lebih baik kepada Pemegang Unit di bawah "*Informasi Tambahan*";
- 8) Kemas kini berkenaan "*Hebahan Maklumat kepada Pemegang Unit*" di bawah "*Informasi Tambahan*";
- 9) Senarai surat ikatan tambahan yang telah dikemas kini, di bawah "*Informasi Tambahan*";
- 10) Penambahan berkenaan "*Situasi-situasi Penamatan*" bagi Dana Unit Amanah di bawah "*Informasi Tambahan*";
- 11) Maklumat mengenai pelantikan baharu Encik Muzzaffar bin Othman sebagai Ahli Lembaga Pengarah ASNB di bawah "*Latar Belakang Pengurus*";
- 12) Kemas kini profil pengurus bagi Dana Unit Amanah di bawah "*Pengurus Pelaburan bagi Dana Unit Amanah*";
- 13) Kemas kini berkenaan "*Hak dan Liabiliti bagi Pemegang Unit*" di bawah "*Terma-terma Penting bagi Surat Ikatan*";
- 14) Kemas kini berkenaan "*Mesyuarat Secara Maya bagi Pemegang Unit*" di bawah "*Mesyuarat Pemegang Unit*";
- 15) Kemas kini berkenaan "*Pengecualian dan Variasi*" yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah "*Kelulusan dan Syarat*";
- 16) Kemas kini pernyataan berkenaan "*Transaksi Pihak Berkaitan yang Berpotensi dan Sedia Ada*" di bawah "*Transaksi Pihak Berkaitan / Konflik Kepentingan*";
- 17) Penambahan berkenaan "*Konflik Kepentingan*" di bawah "*Transaksi Pihak Berkaitan / Konflik Kepentingan*";
- 18) Kemas kini pernyataan berkenaan "Polisi Pengurusan Konflik Kepentingan" di bawah "*Transaksi Pihak Berkaitan / Konflik Kepentingan*"; dan
- 19) Penambahan maklumat berkenaan dengan "*Pengecualian Cukai*" di bawah "*Percukaian Tabung*".

Notis ini adalah untuk pemberitahuan sahaja dan tidak memerlukan tindakan susulan anda. Kami memberi jaminan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan kepentingan anda sebagai Pemegang Unit, dan objektif serta strategi pelaburan tabung unit amanah juga kekal sama. PTKD ini boleh diperolehi di laman web ASNB di www.asnb.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai notis ini, sila hubungi pusat panggilan ASNB di 03-7730 8899 atau e-mel kami di asnbcare@pnb.com.my.

ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	3
3. LAPORAN PENGURUS	7
4. PENYATA PENGURUS	12
5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH	13
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN IMBANG 3 GLOBAL	14
7. PENYATA KEWANGAN	17
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir 30 Jun 2023	17
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir 30 Jun 2023	18
7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 30 Jun 2023	19
7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir 30 Jun 2023	20
7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir 30 Jun 2023	21
7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 30 Jun 2023	22
8. ALAMAT CAWANGAN ASNB	47
9. MAKLUMAT KORPORAT	49

LAPORAN PENGURUS
ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL,
(ASN IMBANG 3 GLOBAL)



ASN Imbang 3 Global

Pemegang-pemegang unit ASN Imbang 3 Global yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Imbang 3 Global dengan sukacitanya membentangkan Laporan Setengah Tahunan ASN Imbang 3 Global bagi tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2023.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASN IMBANG 3 GLOBAL	Aset Campuran Imbang	Pertumbuhan dan Pendapatan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Imbang 3 Global adalah untuk menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pertumbuhan modal dan pengagihan pendapatan kepada pemegang-pemegang unit melalui pelaburan portfolio yang seimbang.

1.3 TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

31 Disember.

1.4 PENANDA ARAS TABUNG

ASN Imbang 3 Global menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks MSCI ACWI Islamic dan Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	%
MSCI ACWI Islamic Sumber: www.msci.com	50
Maybank 12 bulan Sumber: www.maybank2u.com.my	50

"Source: MSCI. The MSCI information may only be used for your internal use, may not be reproduced or disseminated in any form and may not be used as a basis for or a component of any financial instruments or products or indices. None of the MSCI information is intended to constitute investment advice or a recommendation to make (or refrain from making) any kind of investment decision and may not be relied on as such. Historical data and analysis should not be taken as an indication or guarantee of any future performance analysis, forecast or prediction. The MSCI information is provided on an "as is" basis and the user of this information assumes the entire risk of any use made of this information. MSCI, each of its affiliates and each other person involved in or related to compiling, computing or creating any MSCI information (collectively, the "MSCI Parties") expressly disclaims all warranties (including, without limitation, any warranties of originality, accuracy, completeness, timeliness, non-infringement, merchantability and fitness for a particular purpose) with respect to this information. Without limiting any of the foregoing, in no event shall any MSCI Party have any liability for any direct, indirect, special, incidental, punitive, consequential (including, without limitation, lost profits) or any other damages. (www.msci.com)"

1.5 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASN Imbang 3 Global akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

1.6 PEGANGAN UNIT

Pada 30 Jun 2023, seramai 34,553 individu telah menyertai ASN Imbang 3 Global. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	11,151	32.27	11,324,787.00	0.93
5,001 hingga 10,000	4,847	14.03	38,423,463.72	3.16
10,001 hingga 50,000	12,981	37.57	325,839,909.39	26.80
50,001 hingga 500,000	5,402	15.63	646,874,085.58	53.21
500,001 dan ke atas	172	0.50	193,317,826.43	15.90
JUMLAH	34,553	100.00	1,215,780,072.12	100.00

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset Bagi ASN Imbang 3 Global mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada 30.06.2023 (%)	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember (%)	
		2022	2021
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:			
Perkhidmatan Komunikasi	1.21	3.86	4.38
Barangan Bukan Asasi Pengguna	4.90	5.01	9.39
Barangan Asasi Pengguna	1.44	8.07	6.01
Tenaga	4.38	0.93	2.41
Penjagaan Kesihatan	6.04	3.49	3.56
Perindustrian	1.77	2.98	6.47
Teknologi Maklumat	15.42	10.42	20.59
Bahan Asas	1.21	1.12	1.50
Hartanah	-	0.95	0.52
Utiliti	1.37	-	0.35
Jumlah	37.74	36.83	55.18
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:			
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF)	13.21	9.29	7.42
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	41.12	42.95	14.84
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	7.93	10.93	22.56
Jumlah	100.00	100.00	100.00

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.06.2023	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember	
		2022	2021 ¹
Sebelum Pengagihan Pendapatan			
NAB (RM'000)	1,213,210	1,362,636	1,422,196
NAB Seunit (RM)	0.9980	0.9014	1.0304
Selepas Pengagihan Pendapatan			
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	-	0.45	1.25
NAB (RM'000)	1,213,210	1,355,833	1,404,943
NAB Seunit (RM)	0.9980	0.8969	1.0179
NAB Seunit Terendah (RM)	0.8969	0.8838	1.0150
NAB Seunit Tertinggi (RM)	0.9989	1.0244	1.0674
Unit Dalam Edaran ('000)	1,215,600	1,511,700	1,380,200
Tarikh Pengagihan Pendapatan	-	3 Januari 2023	1 Januari 2022
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ²	0.74	1.50	2.11
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ³	1.19	2.44	2.09
Pulangan			
Pulangan Pendapatan (%) ⁴	-	0.50	1.23
Pulangan Modal (%) ⁵	11.27	-11.89	1.79
Jumlah Pulangan (%) ⁶	11.27	-11.45	3.04

Nota:

- Tempoh Kewangan Dari Tarikh Pelancaran 16 September 2020 sehingga Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021.
- Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Imbang 3 Global yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Imbang 3 Global untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.
- Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tempoh kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Imbang 3 Global untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.
- Pulangan Pendapatan (%): $\left[\frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$
- Pulangan Modal (%): $\left[\left(\frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$
- Jumlah Pulangan (%): $\left[\left(1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left(1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023, ASN Imbang 3 Global tidak mengisytiharkan sebarang pengagihan pendapatan.

2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN Imbang 3 Global adalah seperti berikut:

	30 Jun 2023	
	1 Tahun	Sejak Penubuhannya
Pulangan Tahunan (%) ¹	10.52	0.55
Penanda Aras (%) ²	11.84	6.83

Sumber Tabung: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sumber Penanda Aras: Permodalan Nasional Berhad

Nota:

1. Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-

$$= \left[\left((1 + r_1) \times (1 + r_2) \times \dots \times (1 + r_n) \right)^{\frac{1}{n}} - 1 \right] \times 100$$

Di mana, r = pulangan tahunan; n = bilangan tahun.

2. Pengiraan penanda aras adalah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama di mana, bermula 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 50% MSCI ACWI ISLAMIC dan 50% Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 50% MSCI ACWI dan 50% Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan.

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASN Imbang 3 Global berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.06.2023	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember	
		2022	2021
Jumlah Pulangan (%)	11.27	-11.45	3.04 ¹
Penanda Aras (%) ²	10.13	-6.45	16.68


Sumber Tabung: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sumber Penanda Aras: Permodalan Nasional Berhad

Nota:

1. Pengiraan bagi Jumlah Pulangan bermula daripada 16 September 2020 (tarikh pelancaran) hingga 31 Disember 2021.

2. Pengiraan penanda aras adalah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama di mana, bermula 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 50% MSCI ACWI ISLAMIC dan 50% Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 50% MSCI ACWI dan 50% Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan.



Sumber Tabung: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sumber Penanda Aras: Permodalan Nasional Berhad

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN Imbang 3 Global telah mencatatkan penurunan NAB sebanyak 10.52% daripada RM1.35 bilion kepada RM1.21 bilion bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023. Walau bagaimanapun NAB seunit mencatatkan peningkatan sebanyak 11.28% daripada RM0.8969 kepada RM0.9980 bagi tempoh yang sama.

2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023.

2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN Imbang 3 Global tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Imbang 3 Global. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.10 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASN Imbang 3 Global (“Tabung”) adalah untuk melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti yang disenaraikan di bursa saham utama dunia yang diiktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk dalam Surat Ikatan Tabung. Tabung boleh melaburkan 35% sehingga 65% daripada NAB dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, Tabung boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran. Pelaburan di pasaran saham antarabangsa adalah bergantung kepada keadaan pasaran sesebuah negara, pergerakan mata wang di samping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara.

3.2 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023, Tabung telah melaksanakan perumpukan aset yang aktif dalam pelaburan. Ini dilaksanakan setelah mengambil kira faktor-faktor ekonomi global, kadar tukaran mata wang asing, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif Tabung tercapai.

Sepanjang tempoh kewangan, purata perumpukan aset adalah seimbang dalam lingkungan 48%-52% pelaburan dalam ekuiti dan 48%-52% dalam sekuriti berpendapatan tetap dan wang tunai, berbanding penanda aras 50% ekuiti: 50% tunai. Tumpuan sama diberikan pada kedua-dua jenis aset berikutan kadar risiko yang seimbang secara relatif antara aset ekuiti, serta kadar faedah instrumen pendapatan tetap yang dilihat menarik.

i. Ekuiti

Dalam tempoh enam bulan pertama bagi tahun kewangan 2023, walaupun ekonomi dijangka meleset pada pertengahan tahun kewangan, kekuatan pasaran buruh yang melewati jangkaan kemelesetan ekonomi dunia mendorong pelaburan ekuiti antarabangsa Tabung bersifat agresif dan tertumpu kepada pasaran-pasaran utama dunia seperti pasaran saham Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun. Pelaburan ekuiti tertumpu kepada sektor yang dijangka terus mencatat pertumbuhan keuntungan memberansangkan di sebalik ketidaktentuan faktor makro seperti sektor Teknologi, Perkhidmatan Komunikasi serta Barangan Bukan Asasi.

Sektor Teknologi telah menerima suntikan sentimen melalui kemajuan kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) yang dijangka akan memberi manfaat peningkatan permintaan perkhidmatan terhadap syarikat teknologi penyedia AI serta produk-produk semikonduktor, dalam jangka masa sederhana ekoran perkhidmatan AI yang akan mampu membantu manusia serta syarikat beroperasi dengan lebih efisien. Selain penyediaan perkhidmatan AI, syarikat-syarikat perkhidmatan komunikasi telah mengambil langkah drastik untuk mengecilkkan jumlah tenaga kerja, ekoran kelembapan permintaan makro global. Usaha ini telah berjaya menurunkan kos operasi bagi syarikat seterusnya melonjakkan sentimen pelabur terhadap daya tahan keuntungan syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan komunikasi.

Selain itu, pelaburan Tabung turut tertumpu dalam sektor Barangan Bukan Asasi, dalam konteks barangan mewah seperti beg tangan, barangan kulit, jam tangan serta barangan kemas dari Eropah yang mendapat manfaat permintaan ekoran perbelanjaan oleh para

pelancong yang melancong ke luar negara dari seluruh dunia, kadar permintaan yang tidak terkesan dengan kadar inflasi yang tinggi, serta sentimen dari jangkaan peningkatan pelancong China.

Tabung turut menumpukan pelaburan pada pasaran negara maju berbanding pasaran membangun. Ini berikutan hasil pembukaan ekonomi China yang tidak memberikan impak yang diharap pada pasaran membangun, di samping kekuatan pasaran buruh negara maju, yang mendorong Tabung untuk fokus pada pasaran negara maju. Fokus Tabung turut tertumpu pada pasaran Jepun, ekoran reaksi positif para pelabur pada data ekonomi makro Jepun, selepas berjaya keluar dari masalah disinflasi yang agak parah semenjak beberapa dekad yang lepas.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023, Tabung telah berusaha untuk mempelbagaikan pelaburan melalui pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap. Pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap telah tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung. Pelaburan tambahan telah dilakukan dalam sektor Infrastruktur, Utiliti dan Petrokimia yang mempunyai tempoh matang antara 10 sehingga 13 tahun. Sektor-sektor ini dilihat mempunyai prestasi kewangan yang kukuh selaras dengan risiko kredit yang diambil oleh pengurusan Tabung. Selain itu, pelaburan di dalam sekuriti pendapatan tetap turut dilakukan dalam sekuriti kerajaan Malaysia iaitu Malaysian Government Securities (MGS) dan Government Investment Issues (GII). Strategi pelaburan dalam MGS dan GII ini adalah lebih kepada penjanaan keuntungan modal kerana bon terbitan kerajaan Malaysia dijangka akan mendapat manfaat kenaikan harga, ekoran risiko kemelesetan ekonomi antarabangsa. Di samping itu, kadar hasil sekuriti kerajaan Malaysia turut telah meningkat seiring dengan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR).

Purata kadar hasil bagi pegangan portfolio sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap adalah 4.31% dengan purata tempoh matang portfolio selama 5.53 tahun, manakala purata penarafan kredit adalah "AA2".

Selain sekuriti berpendapatan tetap pasaran tempatan, Tabung turut melabur di dalam pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa dalam usaha menjana pulangan yang kompetitif. Pelaburan ini adalah lebih bersifat taktikal, bagi menjana pulangan tambahan ke atas tunai antarabangsa melalui hasil jual beli. Antara pelaburan bon antarabangsa yang menjadi keutamaan adalah di dalam pasaran maju seperti Amerika Syarikat yang mempunyai tahap kecairan dan struktur yang mampan, serta pasaran negara-negara membangun seperti Indonesia, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu, untuk mengambil peluang daripada kadar hasil yang tinggi dan pengukuhan kadar mata wang negara-negara tersebut. Tabung juga mengambil bahagian dalam pasaran yang lain terutama yang mampu memberikan kadar hasil yang menarik bagi tujuan mempelbagai dan menambah baik profil pulangan Tabung.

Pelaburan Tabung juga dibuat dalam pasaran wang bagi membolehkan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian, seiring dengan perumpukan aset aktif.

3.3 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023, pasaran saham antarabangsa telah mencatatkan prestasi yang baik, di luar jangkaan kebanyakan pelabur, dengan pasaran saham negara maju MSCI World Islamic Index mencatatkan prestasi lebih baik (+15.63%) berbanding pasaran saham negara membangun MSCI Emerging Markets Islamic Index (+5.16%). Pada suku pertama tahun kewangan, bank-bank pusat antarabangsa terus mengetatkan dasar monetari secara agresif bagi mengawal inflasi yang akhirnya mengakibatkan anggaran kadar pertumbuhan ekonomi dunia disemak lebih rendah daripada anggaran sebelum ini. Krisis perbankan yang melanda Silicon Valley Bank (SVB) dan juga Credit Suisse turut memberi kesan negatif terhadap sentimen pelabur. Pasaran saham antarabangsa kembali pulih pada suku kedua tahun kewangan didorong oleh antaranya, Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) yang menghampiri kemuncak kitaran kenaikan kadar faedahnya, kemajuan terkini dalam AI serta tempias daripada pembukaan semula ekonomi di China.

Sepanjang tempoh tinjauan, penanda aras MSCI ACWI Islamic Index telah mencatatkan prestasi positif (+13.05%). Pasaran saham yang mempunyai komposisi sektor Teknologi yang tinggi seperti Nasdaq (+31.72%) dan S&P 500 di Amerika Syarikat (+15.91%) telah mencatatkan prestasi cemerlang. Pasaran saham utama di negara-negara maju yang lain seperti Jepun (TOPIX, +20.98%), Jerman (DAX, +15.98%) dan Perancis (CAC 40, +14.31%) turut mencatatkan prestasi yang memberangsangkan. Pasaran saham negara membangun yang mempunyai komposisi sektor Teknologi yang tinggi seperti Taiwan (TAIEX, +19.65%) dan Korea Selatan (KOSPI, +14.66%) turut mendapat manfaat dari sentimen positif terhadap sektor Teknologi.

Walaupun bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan daripada jangkaan para pelabur, walaupun selepas ekonomi China keluar daripada polisi sifar COVID-19 telah melebarkan pasaran saham di China (CSI 300, -0.75%) dan Hong Kong (Hang Sen, -4.37%). Tempias negatif turut melanda rantau ASEAN, dengan pergerakan indeks di kesemua pasaran mencatatkan pulangan negatif dengan Thailand (SET) mencatatkan prestasi paling buruk sebanyak -9.92%, diikuti Malaysia (FBM KLCI, -7.94%), Indonesia (JCI, -2.76%), Filipina (PSEi, -1.50%) dan Singapura (STI, -1.40%).

Perkembangan pasaran saham tahun ini juga dianggap sebagai luar jangkaan ekoran syarikat-syarikat yang bernilai mega, memacu majoriti pertumbuhan pasaran, hasil sentimen positif terhadap sektor seperti Teknologi dan Perkhidmatan Komunikasi. Contoh syarikat-syarikat ini adalah Microsoft (+42.00%) dan Amazon (+55.19%). Selain itu, syarikat-syarikat yang telah mencatatkan prestasi positif tertinggi adalah Nvidia (+189.46%), Meta Platforms (+138.47%) dan juga Tesla (+112.51%). Syarikat-syarikat yang telah mencatatkan prestasi cemerlang ini terdiri daripada sektor Teknologi ekoran sentimen positif terhadap peluang perniagaan dalam rantaian bekalan penyediaan perkhidmatan AI, serta disiplin kos operasi yang ditunjukkan oleh syarikat penyedia perkhidmatan komunikasi. Manakala syarikat-syarikat yang telah mencatatkan prestasi terburuk adalah kebanyakannya syarikat yang mencatat prestasi harga cemerlang tahun lalu seperti syarikat-syarikat dalam sektor Tenaga seperti Chevron (-12.33%) dan Total Energies (-10.40%).

Seiring dengan daya tahan pasaran buruh di Amerika Syarikat dan Eropah di sebalik ketidaktentuan data ekonomi makro, Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) telah beberapa kali menukar unjuran pertumbuhan ekonomi dunia bagi tahun 2023. IMF pada awalnya mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dunia pada kadar 2.7% bagi tahun 2023, namun telah menaikkan jangkaan pertumbuhan ekonomi global kepada 2.9% untuk tahun 2023 pada bulan Februari, namun menurunkan sedikit unjuran ekonomi

global kepada 2.8% bagi tahun 2023 pada bulan April. Walaupun terdapat penukaran unjuran yang tidak konsisten, unjuran bagi ekonomi negara maju seperti Amerika Syarikat dinaikkan dari 1.0% untuk 2023 pada unjuran Oktober 2022, kepada 1.6% bagi unjuran terbaru pada April 2023.

Nilai mata wang Ringgit Malaysia telah menurun sebanyak 5.9% untuk ditutup pada paras RM4.6665/USD pada 30 Jun 2023 berbanding RM4.4045/USD pada 31 Disember 2022. Prestasi mata wang Ringgit Malaysia telah dipengaruhi oleh peningkatan kadar polisi utama Amerika Syarikat yang menyebabkan peningkatan nilai mata wang USD.

3.4 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023, kadar inflasi global yang meningkat secara mendadak berikutan aktiviti pembukaan semula ekonomi pasca pandemik telah mencapai kemuncaknya dan mula menunjukkan tanda penurunan secara beransur-ansur disebabkan oleh pengetatan dasar monetari secara agresif yang dilakukan oleh bank-bank pusat global sejak permulaan tahun 2022. Namun begitu, kadar inflasi kekal melebihi sasaran yang ditetapkan oleh bank-bank pusat terutamanya di pasaran maju. Pengetatan dasar monetari secara agresif ini juga telah mendorong kepada kenaikan kadar faedah dasar di rantau ini. Dalam tempoh tersebut, bank pusat Amerika Syarikat (US Federal Reserve) secara keseluruhan telah meningkatkan kadar faedah dasar sebanyak tiga (3) kali kepada 5.25%, manakala bank pusat Eropah (European Central Bank) dan bank pusat England (Bank of England) telah menaikkan kadar faedah dasar masing-masing sebanyak empat (4) kali kepada 4.00% dan 5.00%. Namun begitu, pasaran bon global berjaya menunjukkan prestasi yang memberangsangkan berikutan permintaan dari para pelabur yang lebih tinggi untuk sekuriti berpendapatan tetap yang pada masa ini mampu memberikan hasil yang menarik, disamping prospek pelonggaran dasar monetari oleh bank-bank pusat utama menjelang awal tahun 2024.

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023, OPR telah dinaikkan sebanyak 25 mata asas pada bulan Mei oleh Bank Negara Malaysia (BNM) daripada 2.75% kepada 3.00%, namun masih mengekalkan dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Momentum pertumbuhan ekonomi akan terus didorong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan serta aktiviti berkaitan pelancongan yang giat meningkat.

3.5 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, Pengurus Pelaburan menjangkakan ekonomi dunia akan lebih mencabar dalam separuh tahun kedua, seterusnya mendorong ketidaktentuan pasaran saham antarabangsa. Ini berikutan jangkaan kenaikan kadar faedah yang akan berterusan sehingga akhir tahun oleh kebanyakan bank pusat dunia, dalam usaha untuk menangani inflasi. Pasaran buruh negara-negara maju akan terus diberikan perhatian oleh para pelabur untuk dilihat sebagai indikator kesan akhir kenaikan drastik kadar faedah.

Oleh itu, Pengurus Pelaburan akan melaksanakan perumpukan aset yang aktif dengan menyasarkan pelaburan yang bersifat seimbang dan lebih taktikal, antara bersifat agresif atau defensif dalam usaha memastikan pulangan Tabung kekal kompetitif. Pengurus Pelaburan akan sentiasa proaktif dalam mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dengan

mengambil kira keperluan semasa, keadaan ekonomi serta persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah.

i. Ekuiti

Pelaburan ekuiti bagi Tabung akan dilakukan secara selektif dalam saham-saham syarikat yang diniagakan di bawah harga wajar yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh berdasarkan prospek ekonomi dan juga menepati tema pelaburan semasa. Pelaburan Tabung akan tertumpu kepada negara-negara yang mempunyai pasaran saham yang lebih bersifat defensif seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom. Ini berikutan jangkaan pasaran saham yang lebih mencabar dalam separuh tahun kedua untuk para pelabur membuat pelaburan dalam jangka masa pendek.

Pelaburan akan tertumpu kepada sektor-sektor dan syarikat-syarikat yang dijangka akan kekal defensif dalam keadaan ekonomi global yang mencabar. Antara aspek yang akan diberi perhatian adalah keupayaan syarikat untuk mengekalkan kadar keuntungan dalam suasana kemungkinan penurunan kadar permintaan oleh pengguna serta perniagaan, ekoran kesan akhir peningkatan kadar faedah yang agresif.

Pelaburan Tabung akan memberi perhatian secara selektif terhadap sektor Teknologi yang mempunyai kelebihan daya saing yang jelas, dalam rantaian perkhidmatan AI, yang dilihat oleh para pelabur sebagai permulaan satu aliran yang baru. Selain itu, bagi mengimbangi sifat agresif sektor Teknologi, sektor yang akan turut diberi perhatian adalah sektor defensif seperti sektor Penjagaan Kesihatan melalui syarikat-syarikat farmaseutikal yang telah mempamerkan sifat daya tahan yang baik sepanjang kemelesetan ekonomi yang lalu.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Mengambil kira kebarangkalian kenaikan OPR oleh BNM bagi membendung inflasi, Tabung menyusun strategi yang bersifat lebih defensif. Ini kerana kenaikan kadar hasil bon adalah berjajaran songsang dengan nilai pasaran bon.

Pengurus Pelaburan akan memberi tumpuan kepada pelaburan sekuriti pendapatan tetap ekoran kenaikan kadar hasil yang ketara yang menjadikannya instrumen pelaburan yang lebih menarik berbanding pasaran tunai. Pelaburan akan tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi berbanding penanda aras iaitu kadar simpanan tetap, dengan mendasarkan syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada tabung. Strategi pelaburan di dalam sekuriti kerajaan Malaysia, MGS dan GII lebih tertumpu kepada penjana keuntungan modal kerana bon terbitan kerajaan Malaysia mempunyai ciri kecairan yang lebih tinggi berbanding bon korporat.

Pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023, berserta dengan nota-nota yang dilampirkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting di Malaysia, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 Jun 2023, dan prestasi kewangannya, serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 2 Ogos 2023.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN
RAJA TUN UDA**
Pengerusi

AHMAD ZULQARNAIN BIN CHE ON
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
2 Ogos 2023

5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada para pemegang unit **ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL** ("Tabung")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pernyataan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tempoh penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

2 Ogos 2023

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN IMBANG 3 GLOBAL

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 30 Jun 2023, penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 17 sehingga 46.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134") bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 Jun 2023 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan setengah tahun ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan setengah tahun, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan Amanah yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut MFRS 134. Pengurus juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang ditentukan oleh Pengurus untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Amanah yang bebas daripada salah sangkaan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Amanah, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai kemampuan Amanah untuk terus berjalan, dengan mendedahkan, sebagaimana yang berlaku, perkara-perkara yang berkaitan dengan keprihatinan berterusan dan menggunakan asas perakaunan berterusan kecuali para pengarah berhasrat untuk membubarkan Amanah atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik melainkan untuk melakukannya.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas usniaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Perkara lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT

202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor

No. 03083/07/2025 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
2 Ogos 2023

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TEMPOH ENAM BULAN BERAKHIR 30 JUN 2023

	Nota	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2023 RM	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2022 RM
PENDAPATAN/(KERUGIAN)			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		12,758,227	7,194,530
Pendapatan dividen		5,826,860	6,517,854
Kerugian ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)		(1,479,437)	(18,958,341)
Keuntungan/(kerugian) tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTPL)		131,486,879	(149,313,659)
Kerugian bersih daripada liabiliti derivatif (FVTPL)	9	(3,428,875)	-
Keuntungan bersih kadar tukaran asing		3,701,316	5,809,402
		<u>148,864,970</u>	<u>(148,750,214)</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	4	6,632,848	7,253,459
Yuran pemegang amanah	5	331,642	362,673
Ganjaran juruaudit		16,800	15,000
Yuran ejen cukai		3,000	3,000
Perbelanjaan pentadbiran		3,283,217	5,372,653
		<u>10,267,507</u>	<u>13,006,785</u>
PENDAPATAN/(KERUGIAN) BERSIH SEBELUM CUKAI		138,597,463	(161,756,999)
CUKAI	6	-	-
PENDAPATAN/(KERUGIAN) BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>138,597,463</u>	<u>(161,756,999)</u>
Pendapatan/(Kerugian) bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		5,569,256	(17,584,287)
Tidak ternyata		133,028,207	(144,172,712)
		<u>138,597,463</u>	<u>(161,756,999)</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TEMPOH ENAM BULAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

Nota	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2023 RM	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2022 RM
PENDAPATAN/(KERUGIAN) BERSIH SELEPAS CUKAI	138,597,463	(161,756,999)
Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif tidak dikelaskan semula kepada untung atau rugi dalam tempoh berikutnya		
Kerugian daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTOCI)	(560,070)	(4,985,530)
JUMLAH PENDAPATAN KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH SEMASA	138,037,393	(166,742,529)
Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	5,569,256	(17,584,287)
Tidak ternyata	<u>132,468,137</u>	<u>(149,158,242)</u>
	<u>138,037,393</u>	<u>(166,742,529)</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.3 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 30 JUN 2023**

	Nota	30.6.2023 RM	31.12.2022 RM
ASET			
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	7	14,624,050	15,184,120
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FTVPL)	8	1,102,351,852	1,192,424,256
Deposit dengan institusi kewangan	10	41,975,092	121,642,023
Pendapatan belum diterima	11	5,670,787	6,515,630
Jumlah terhutang daripada broker saham		-	1,200,673
Tunai di bank		70,201,631	30,328,578
JUMLAH ASET		<u>1,234,823,412</u>	<u>1,367,295,280</u>
LIABILITI			
Peruntukan pengagihan		-	6,802,650
Liabiliti derivatif (FVTPL)	9	2,207,935	-
Jumlah terhutang kepada Pengurus		1,011,324	1,167,907
Jumlah terhutang kepada PNB	12	18,257,720	3,340,360
Pelbagai pemiutang		136,737	151,480
JUMLAH LIABILITI		<u>21,613,716</u>	<u>11,462,397</u>
NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH		<u>1,213,209,696</u>	<u>1,355,832,883</u>
EKUITI			
Modal pemegang unit	13	1,262,466,873	1,543,127,453
Rizab-rizab lain		(49,257,177)	(187,294,570)
JUMLAH EKUITI / NILAI ASET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT		<u>1,213,209,696</u>	<u>1,355,832,883</u>
UNIT DALAM EDARAN	13	<u>1,215,600,000</u>	<u>1,511,700,000</u>
NILAI ASET BERSIH SEUNIT		<u>0.9980</u>	<u>0.8969</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.4 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TEMPOH ENAM BULAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

	Modal	Rizab-rizab lain		Jumlah Ekuiti RM
	Pemegang Unit RM	Ternyata RM	Tak ternyata RM	
Pada 1 Januari 2022	1,409,716,293	3,266,240	(8,039,211)	1,404,943,322
Penjadian unit untuk jualan	217,680,800	-	-	217,680,800
Penjadian unit untuk pengagihan pendapatan (31 Disember 2021)	17,202,510	-	-	17,202,510
Pembatalan unit	(32,316,730)	-	-	(32,316,730)
Jumlah kerugian komprehensif bagi tempoh semasa	-	(17,584,287)	(149,158,242)	(166,742,529)
Pada 30 Jun 2022	1,612,282,873	(14,318,047)	(157,197,453)	1,440,767,373
Pada 1 Januari 2023	1,543,127,453	5,297,040	(192,591,610)	1,355,832,883
Penjadian unit untuk jualan	2,247,580	-	-	2,247,580
Penjadian unit untuk pengagihan pendapatan (31 Disember 2022)	6,637,060	-	-	6,637,060
Pembatalan unit	(289,545,220)	-	-	(289,545,220)
Jumlah keuntungan komprehensif bagi tempoh semasa	-	5,569,256	132,468,137	138,037,393
Pada 30 Jun 2023	1,262,466,873	10,866,296	(60,123,473)	1,213,209,696

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.5 PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TEMPOH ENAM BULAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2023 RM	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2022 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	1,785,266,249	2,276,624,693
Pembelian pelaburan	(1,567,871,266)	(2,372,838,197)
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	15,844,836	9,355,060
Dividen bersih diterima	6,249,692	6,593,747
Yuran pengurusan dibayar	(6,789,430)	(7,249,838)
Yuran pemegang amanah dibayar	(339,472)	(362,492)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(3,309,932)	(5,373,653)
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi dan pelaburan	<u>229,050,677</u>	<u>(93,250,680)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	8,884,640	236,286,250
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(274,627,860)	(25,859,730)
Pengagihan kepada pemegang unit	(6,802,650)	(17,252,500)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	<u>(272,545,870)</u>	<u>193,174,020</u>
(PENGURANGAN)/PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG	(43,495,193)	99,923,340
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TEMPOH	3,701,315	5,801,899
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH	<u>151,970,601</u>	<u>329,134,588</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	70,201,631	143,630,321
Deposit dengan institusi kewangan	41,975,092	291,229,506
Tunai dan persamaan tunai	<u>112,176,723</u>	<u>434,859,827</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.6 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 30 JUN 2023

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 29 Julai 2020, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 7.1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 16 September 2020 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12.3 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 29 Julai 2020.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 2 Ogos 2023.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023, telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134").

(a) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dikenalpasti apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL")) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti kewangan tersebut, yang difikirkan sesuai, pada permulaan ia diiktiraf. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan FVTPL diiktiraf dalam untung rugi.

(b) Aset-aset kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan asas perniagaan. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengkelasan aset tersebut.

(i) Pengelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosotnilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada permulaan pengiktirafan):

- Aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- Terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas diklasifikasikan sebagai FVTPL atau nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI") (lihat di bawah).

Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

(ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui akaun untung rugi ("FVTPL")

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menandakan pelaburan tersebut bukan untuk jualbeli pada awal pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- ianya diperoleh dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau
- ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan (FVTOCI) akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira di dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 15 : Revenue from contract with customers dan dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI")

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarikbalik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli. Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan dengan objektif untuk pendapatan dividen yang diterima atau jangka masa sederhana dan jangka panjang sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang dengan matlamat untuk mencapai pengumpulan aliran tunai kontraktual dan penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVTOCI.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab-rizab lain.

Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung atau rugi atas penjualan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, keuntungan atau kerugian terkumpul atas instrumen hutang akan diklasifikasikan semula menjadi untung atau rugi semasa penjualan instrumen tersebut.

(iv) Rosot nilai dalam aset kewangan

Kerugian kredit diiktiraf berdasarkan model "Expected Credit Loss" ("ECL"). Unit Amanah mengiktiraf elau kerugian untuk ECL pada instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (aset kewangan yang merupakan instrumen hutang). Model rosot nilai ini tidak digunakan untuk pelaburan ekuiti.

ECL adalah anggaran kebarangkalian kerugian kredit. ECL diukur seperti berikut:

- Aset kewangan yang tidak rosot kredit pada tarikh pelaporan.
Nilai semasa tunai mengalami kekurangan (iaitu perbezaan antara aliran tunai yang disebabkan oleh Unit Amanah mengikut kontrak dan aliran tunai yang dijangka diterima oleh Unit Amanah);

- Aset kewangan yang rosot kredit pada tarikh pelaporan.

Perbezaan di antara jumlah bawaan kasar dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Unit Amanah akan menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan telah merosot kredit. Aset kewangan adalah 'rosot kredit' apabila satu atau lebih peristiwa yang menjejaskan anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Bukti yang menunjukkan aset kewangan telah mengalami rosot kredit merangkumi data yang boleh diperhatikan seperti berikut :

- Pengeluar atau rakan niaga mengalami masalah kewangan yang ketara.
- Instrumen mengalami penurunan nilai penarafan kredit yang ketara dari agensi penarafan.
- Perlanggaran kontrak seperti ingkar dan lewat tempoh; atau
- Ketiadaan pasaran aktif bagi sekuriti disebabkan oleh masalah kewangan.

(v) Penyahiktirafan aset kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindahmilikkan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Unit Amanah tidak memindahmilikkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambilkira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulangan pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke akaun untung atau rugi tetapi dikelaskan ke rizab bolehagih ternyata.

Pada penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata kumulatif dipindahkan ke akaun untung atau rugi semasa pelupusan.

(c) Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti

(i) Pengelasan sebagai hutang atau ekuiti

Instrumen hutang atau ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

(ii) Liabiliti kewangan

Dalam skop MFRS 9, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Unit Amanah menjadi pihak kepada kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan Unit Amanah termasuk lain-lain pemiutang diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos urusniaga secara langsung dan kemudiannya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan.

(iii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambilalih, diambil kira dalam akaun untung rugi.

(iv) Modal pemegang unit

Modal pemegang unit kepada Unit Amanah menepati tafsiran instrumen 'puttable' yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 Financial Instruments: Presentation.

Pengimbangan pengagihan mewakili purata jumlah yang boleh diagih yang termasuk dalam harga penjadian dan pembatalan unit. Jumlah tersebut dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda dengan sepenuhnya apabila unit dibatalkan.

(d) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada pelaburan pada kos terlunas diakru berdasarkan kaedah kadar faedah berkesan / kadar keuntungan berkesan.

(e) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian").

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tempoh diiktiraf di dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Perkara bukan kewangan diukur pada nilai saksama di dalam mata wang asing adalah ditukarkan berdasarkan kadar tukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada pertukaran perkara-perkara bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan diambilkira sama seperti pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama sesuatu perkara (i.e perbezaan pertukaran bagi perkara-perkara yang keuntungan dan kerugian pada nilai saksama diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif ("OCI") atau penyata untung atau rugi, masing-masing juga turut diiktiraf di dalam OCI atau penyata untung atau rugi).

(f) Tunai dan persamaan tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang di mana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(g) Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan dikutip semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat mana cukai yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar daripada keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau terus ke ekuiti.

Tiada cukai tertunda yang diiktiraf memandangkan tiada perbezaan yang ketara.

(h) Pengukuran nilai saksama

Instrumen kewangan dikira pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan.

Nilai saksama adalah harga yang diterima untuk menjual aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Sekiranya ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset atau liabiliti.

Pasaran yang paling utama atau berfaedah mesti boleh dimasuki oleh Unit Amanah.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti dikira dengan menggunakan andaian bahawa peserta pasaran menilai aset atau liabiliti, bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Unit Amanah menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan maklumat yang mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam turutan nilai saksama, seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Aras 1 : Harga tak terlaras disebutbarga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.
- Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

Bagi aset yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Unit Amanah akan tentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam turutan dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan kepada input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

(i) Penilaian dan anggaran perakaunan yang ketara

Penyediaan penyata kewangan Unit Amanah memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Unit Amanah. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting yang boleh menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

4. YURAN PENGURUS

Klausa 13.1 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023 ialah 1% (30 Jun 2022 : 1%) setahun daripada NAB Unit Amanah.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenakan sebanyak 0.05% setahun daripada NAB Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023 telah ditetapkan pada RM331,642 (enam bulan berakhir 30 Jun 2022 : RM362,673) daripada NAB Unit Amanah.

6. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2026 kecuali pendapatan dividen.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, potongan cukai di sumber bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF

	30.6.2023 RM	31.12.2022 RM
Pada Kos:		
Pelaburan disebut harga: - dalam negara		
Saham biasa	20,172,381	20,172,381
Pada Nilai Saksama:		
Pelaburan disebut harga: - dalam negara		
Saham biasa	14,624,050	15,184,120

Pelaburan Disebut Harga – Dalam Negara

Pelaburan disebut harga – dalam negara pada 30 Jun 2023 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2023 %
Saham biasa				
Bahan Asas				
Press Metal Berhad	3,111,500	20,172,381	14,624,050	1.21
Jumlah saham biasa	3,111,500	20,172,381	14,624,050	1.21
Jumlah pelaburan disebut harga - dalam negara	3,111,500	20,172,381	14,624,050	1.21

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

	30.6.2023	31.12.2022
	RM	RM
Pada Kos		
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga:		
(a)	500,697,231	600,218,114
Terbitan Pelaburan Kerajaan	61,377,077	148,455,965
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	29,119,207
Nota Islam Jangka Sederhana	294,902,606	306,361,269
Bon Kerajaan Luar Negara	144,417,548	116,281,673
Pelaburan disebut harga -		
Dalam Negara		
Saham biasa	-	15,258,185
Pelaburan disebut harga -		
Luar Negara	655,152,627	761,932,842
Saham biasa	486,529,163	609,686,627
Saham keutamaan	9,092,018	-
REITs	-	6,800,474
Skim Pelaburan Kolektif	159,531,446	145,445,741
	<u>1,155,849,858</u>	<u>1,377,409,141</u>
Pada Nilai Saksama:		
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga:		
(a)	498,820,995	582,287,299
Terbitan Pelaburan Kerajaan	61,690,700	147,917,600
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	29,660,000
Nota Islam Jangka Sederhana	292,522,700	299,305,550
Bon Kerajaan Luar Negara	144,607,595	105,404,149
Pelaburan disebut harga -		
Dalam Negara		
Saham biasa	-	13,147,500
Pelaburan disebut harga -		
Luar Negara	603,530,857	596,989,457
Saham biasa	433,943,932	464,498,403
Saham keutamaan	9,261,980	-
REITs	-	6,525,233
Skim Pelaburan Kolektif	160,324,945	125,965,821
	<u>1,102,351,852</u>	<u>1,192,424,256</u>

(a) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 30 Jun 2023 adalah seperti berikut:

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2023 %
Terbitan Pelaburan Kerajaan				
4.47% Government of Malaysia 15.9.2039	10,000,000	10,453,061	10,440,700	0.86
4.25% Government of Malaysia 30.9.2030	20,000,000	20,462,701	20,560,000	1.69
4.29% Government of Malaysia 14.8.2043	30,000,000	30,461,315	30,690,000	2.53
Jumlah Terbitan Pelaburan Kerajaan	60,000,000	61,377,077	61,690,700	5.08
Nota Islam Jangka Sederhana				
4.65% Kuala Lumpur Kepong Berhad 24.4.2026	5,000,000	5,241,761	5,090,700	0.42
4.00% Press Metal Aluminium Holdings Berhad 15.8.2025	5,000,000	5,007,659	4,990,250	0.41
3.75% Public Islamic Bank Berhad 31.10.2029	5,000,000	5,113,957	4,991,850	0.41
5.20% MNRB Holdings Berhad 23.3.2029	5,000,000	5,138,922	5,026,750	0.41
4.97% Southern Power Generation Sdn. Bhd. 30.10.2026	5,000,000	5,309,060	5,109,300	0.42

	Nilai Nominal	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2023 %
Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
4.75% Sarawak Energy Berhad 18.8.2025	10,000,000	10,414,322	10,187,300	0.84
5.00% Southern Power Generation Sdn. Bhd. 30.4.2027	5,000,000	5,348,025	5,124,250	0.42
2.97% Intiaz Sukuk II Berhad 7.10.2025	10,000,000	10,000,918	9,787,900	0.81
5.00% Cagamas Berhad 28.10.2033	10,000,000	11,399,326	10,650,000	0.88
4.68% Telekom Malaysia Berhad 31.10.2028	10,000,000	10,894,370	10,305,800	0.85
5.02% Danga Capital Berhad 21.9.2033	10,000,000	11,322,713	10,702,300	0.88
5.65% Sarawak Energy Berhad 23.6.2026	30,000,000	32,434,410	31,450,200	2.59
4.85% Fortune Premiere Sdn. Bhd. 2.11.2023	5,000,000	5,030,975	5,013,800	0.41
4.91% Southern Power Generation Sdn. Bhd. 31.10.2025	5,000,000	5,222,571	5,083,300	0.42
6.18% Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Klang Sdn. Bhd. 26.11.2027	5,000,000	5,000,000	5,100,750	0.42
5.00% Sarawak Energy Berhad 4.7.2024	15,000,000	15,355,030	15,189,000	1.25

	Nilai Nominal	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2023 %
Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
5.20% MNRB Holdings Berhad 22.3.2029	5,000,000	5,114,296	5,026,750	0.41
3.72% The Holstein Milk Company Sdn. Bhd. 28.5.2026	10,000,000	10,000,000	9,855,900	0.81
6.33% Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Klang Sdn. Bhd. 26.11.2027	45,000,000	46,395,088	46,168,200	3.81
3.79% Malaysia Airports Holding Berhad 25.4.2025	5,000,000	5,000,000	4,997,000	0.41
5.09% Sarawak Petchem Sdn. Bhd. 26.7.2030	10,000,000	10,000,000	10,527,200	0.87
5.50% Sarawak Petchem Sdn. Bhd. 27.7.2037	5,000,000	5,000,000	5,533,950	0.46
5.05% Sarawak Petchem Sdn. Bhd. 27.7.2029	10,000,000	10,000,000	10,465,700	0.86
5.11% Sarawak Petchem Sdn. Bhd. 27.7.2032	5,000,000	5,000,000	5,302,500	0.44
4.40% CIMB Group Holdings Berhad 8.9.2027	5,000,000	5,000,000	5,037,500	0.42
3.93% Edotco Malaysia Sdn. Bhd. 9.9.2025	5,000,000	5,000,000	5,008,400	0.41
5.30% Johor Port Berhad 4.10.2029	5,000,000	5,000,000	5,248,900	0.43

	Nilai Nominal	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2023 %
Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
4.63% Imtiaz Sukuk II Berhad 7.11.2025	5,000,000	5,000,000	5,073,250	0.42
4.56% Plus Berhad 12.1.2024	10,000,000	10,105,062	10,041,900	0.84
4.58% TNB Power Generation Sdn. Bhd. 29.3.2033	10,000,000	10,000,000	10,277,200	0.85
4.64% Solarpack Suria Sungai Petani Sdn. Bhd. 6.4.2026	5,000,000	5,012,902	5,024,350	0.41
5.39% Solarpack Suria Sungai Petani Sdn. Bhd. 4.4.2036	5,000,000	5,041,239	5,130,550	0.43
Jumlah Nota Islam Jangka Sederhana	285,000,000	294,902,606	292,522,700	24.12
				Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2023 %
	Nilai Nominal	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	
Bon Kerajaan Luar Negara				
Malaysia				
4.876% Khazanah Capital 23-01/06/2033	5,000,000	22,943,971	23,109,257	1.90
Arab Saudi				
5.00% Saudi Int Bond 18-17/04/2049	2,000,000	8,363,017	8,676,257	0.72
Emiriah Arab Bersatu				
5.25% Dubai Govt Intl 13-30/01/2043	5,000,000	20,945,385	21,872,577	1.80

	Nilai Nominal	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2023 %
Bon Kerajaan Luar Negara (samb.)				
Amerika Syarikat				
3.25% US Treasury 22-15/05/2042	6,000,000	26,541,647	24,910,863	2.05
1.375% US Treasury 16-31/08/2023	2,500,000	11,017,311	11,585,854	0.95
2.375% US Treasury 19-29/02/2024	1,000,000	4,435,598	4,571,839	0.38
2.25% US Treasury 17-31/12/2023	1,000,000	4,559,238	4,594,070	0.38
0.125% US Treasury 20-15/07/2023	2,000,000	9,073,693	9,310,595	0.77
0.25% US Treasury 21-30/09/2023	1,000,000	4,465,002	4,608,284	0.38
2.875% US Treasury 22-15/05/2032	4,000,000	18,086,725	17,260,335	1.42
3.50% US Treasury 23-15/02/2033	1,000,000	4,443,185	4,533,025	0.37
4.625% US Treasury 23-28/02/2025	100,000	445,392	462,669	0.04
3.625% US Treasury 23-31/05/2028	2,000,000	9,097,384	9,111,970	0.76
	<u>20,600,000</u>	<u>92,165,175</u>	<u>90,949,504</u>	<u>7.50</u>
Jumlah Bon Kerajaan Luar Negara	<u>32,600,000</u>	<u>144,417,548</u>	<u>144,607,595</u>	<u>11.92</u>
Jumlah pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga				
	<u>377,600,000</u>	<u>500,697,231</u>	<u>498,820,995</u>	<u>41.12</u>

(b) Pelaburan disebut harga - Luar Negara

Pelaburan disebut harga - luar negara pada 30 Jun 2023 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit :	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2023 %
Saham biasa				
Australia				
Penjagaan Kesihatan				
CSL Ltd	8,000	7,131,881	6,892,093	0.57
China				
Penjagaan Kesihatan				
Aier Eye Hospital Group Co Ltd	520,017	9,183,229	6,186,060	0.51
Perancis				
Tenaga				
Totalenergies SE	50,000	14,225,806	13,371,347	1.10
Penjagaan Kesihatan				
Sanofi S.A.	15,000	7,488,406	7,496,097	0.62
Perindustrian				
Schneider Electric SE	8,000	6,645,729	6,776,919	0.56
Industrie De Nora SpA	52,000	4,814,947	5,088,796	0.42
	60,000	11,460,676	11,865,715	0.98
Teknologi Maklumat				
Dassault Systemes SE	20,000	4,110,601	4,134,812	0.34
Utiliti				
Engie SA	85,000	6,182,747	6,587,100	0.54
Jerman				
Teknologi Maklumat				
Infineon Technologies AG	35,000	6,275,030	6,730,075	0.55
Utiliti				
RWE AG	35,000	6,954,974	7,101,445	0.59

Syarikat	Unit :	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2023 %
Saham biasa (samb.)				
Indonesia				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Bukalapak.com				
PT Tbk	74,206,033	18,611,359	4,895,769	0.40
Goto Gojek				
Tokopedia Tbk PT	77,646,737	8,491,321	2,658,042	0.22
	151,852,770	27,102,680	7,553,811	0.62
Utiliti				
Pertamina				
Geothermal Energy PT	10,563,735	2,699,150	2,876,547	0.24
Jepun				
Teknologi Maklumat				
Keyence Corp	5,000	13,498,731	10,950,636	0.90
Korea Selatan				
Barangan Asasi Pengguna				
LG H&H Co Ltd	2,800	8,185,856	4,550,244	0.38
Perindustrian				
LG Energy Solution Ltd	387	772,388	757,705	0.06
Teknologi Maklumat				
SK Hynix Inc	20,000	6,522,222	8,157,300	0.67
Switzerland				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Cie Financiere				
Richemont SA	6,537	5,043,668	5,170,024	0.43
Penjagaan Kesihatan				
Roche Holding AG	5,000	7,874,306	7,131,797	0.59

Syarikat	Unit :	Kos RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2023	
			Nilai Saksama RM	%
Saham biasa (samb.)				
Taiwan				
Teknologi Maklumat				
Taiwan Semiconductor Manufacturing Co Ltd				
	120,000	9,787,580	10,355,262	0.85
Wiwynn Corp				
	35,000	6,395,317	7,445,841	0.62
	155,000	16,182,897	17,801,103	1.47
United Kingdom				
Tenaga				
BP PLC				
	200,000	5,561,335	5,437,797	0.45
Amerika Syarikat				
Perkhidmatan Komunikasi				
Propertyguru Group Ltd				
	123,570	5,180,023	2,559,432	0.21
Meta Platforms Inc				
	7,000	9,259,877	9,371,243	0.77
Sea Ltd				
	10,000	12,848,115	2,707,540	0.23
	140,570	27,288,015	14,638,215	1.21
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Amazon.com Inc				
	50,000	27,600,990	30,406,180	2.50
Ulta Beauty Inc				
	3,250	7,865,053	7,134,740	0.59
	53,250	35,466,043	37,540,920	3.09
Barangan Asasi Pengguna				
Coca-Cola Co				
	13,000	3,693,450	3,652,007	0.30
Procter & Gamble Co				
	13,000	8,559,301	9,202,185	0.76
	26,000	12,252,751	12,854,192	1.06
Tenaga				
Chevron Corp				
	19,500	14,195,974	14,313,600	1.18
Exxon Mobil Corp				
	40,000	19,846,642	20,012,659	1.65
	59,500	34,042,616	34,326,259	2.83

Syarikat	Unit :	Kos RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2023	
			Nilai Saksama RM	%
Saham biasa (samb.)				
Amerika Syarikat (samb.)				
Penjagaan Kesihatan				
Medtronic PLC	10,000	4,380,482	4,109,826	0.34
Abbott Laboratories	13,000	6,438,747	6,611,455	0.55
Boston Scientific Corp	35,000	7,994,090	8,831,461	0.73
Johnson & Johnson	25,000	18,027,599	19,303,586	1.59
Merck & Co Inc	12,500	6,541,757	6,728,615	0.55
	95,500	43,382,675	45,584,943	3.76
Perindustrian				
Grab Holdings Ltd	554,860	23,358,236	8,878,203	0.73
Teknologi Maklumat				
Adobe Inc	5,000	11,258,957	11,405,583	0.94
Analog Devices Inc	5,500	4,754,346	4,998,290	0.41
Daqo New Energy Corp	29,870	11,320,082	5,531,886	0.46
Intuit Inc	3,500	6,876,516	7,481,026	0.62
Microsoft Corp	43,000	64,520,659	68,309,970	5.63
Micron Technology Inc	53,339	17,844,338	15,703,287	1.29
Nvidia Corp	3,375	4,486,915	6,660,122	0.55
Salesforce Inc	12,000	10,966,575	11,826,222	0.97
Block Inc	24,000	12,253,856	7,453,106	0.62
	179,584	144,282,244	139,369,492	11.49
Jumlah saham biasa				
	164,748,510	486,529,163	433,943,932	35.78
Saham Keutamaan				
Jerman				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Dr. Ing. H.C. F. Porsche AG	16,000	9,092,018	9,261,980	0.76

Syarikat	Unit :	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2023 %
Skim Pelaburan Kolektif				
Jerman				
Listed Index Fund TOPIX	150,000	11,083,115	11,644,633	0.96
United Kingdom				
Ishares Core UK Gilts UCITS ETF	250,000	14,712,880	14,833,525	1.22
Ishares MSCI India UCITS ETF	500,000	17,233,472	17,565,890	1.45
	750,000	31,946,352	32,399,415	2.67
Amerika Syarikat				
Xtrackers MSCI Japan Hedged Eq	75,000	21,509,772	20,584,699	1.70
Invesco QQQ Trust Series 2	30,000	50,595,182	51,699,836	4.25
Ishares MSCI Brazil ETF	72,000	11,375,818	10,892,485	0.90
Ishares Msci South Korea ETF	50,000	14,598,836	14,783,244	1.22
Ishares Semiconductor ETF	5,500	12,469,920	13,014,899	1.07
Vanguard Utilities ETF	8,000	5,952,451	5,305,734	0.44
	240,500	116,501,979	116,280,897	9.58
Jumlah skim pelaburan kolektif	1,140,500	159,531,446	160,324,945	13.21
Jumlah pelaburan disebut harga luar negara	165,889,010	646,060,609	594,268,877	48.99

9. LIABILITI DERIVATIF (FVTPL)

2023	Tarikh matang	Amaun Nosional RM	Nilai Saksama RM	Aset/(Liabiliti) RM
Beli MYR 11,094,750				
Jual USD 2,500,000	17.7.2023	11,094,750	11,651,091	(556,341)
Beli MYR 4,437,900				
Jual USD 1,000,000	17.7.2023	4,437,900	4,660,436	(222,536)
Beli MYR 4,531,200				
Jual USD 1,000,000	13.7.2023	4,531,200	4,661,428	(130,228)
Beli MYR 4,531,200				
Jual USD 1,000,000	13.7.2023	4,531,200	4,661,428	(130,228)
Beli MYR 4,517,600				
Jual USD 1,000,000	24.8.2023	4,517,600	4,650,542	(132,942)
Beli MYR 4,517,600				
Jual USD 1,000,000	24.8.2023	4,517,600	4,650,542	(132,942)
Beli MYR 457,320				
Jual USD 100,000	29.8.2023	457,320	464,914	(7,594)
Beli MYR 4,573,200				
Jual USD 1,000,000	29.8.2023	4,573,200	4,649,144	(75,944)
Beli MYR 4,573,200				
Jual USD 1,000,000	29.8.2023	4,573,200	4,649,144	(75,944)
Beli MYR 13,757,100				
Jual USD 3,000,000	6.9.2023	13,757,100	13,940,581	(183,481)
Beli MYR 18,229,200				
Jual USD 4,000,000	7.9.2023	18,229,200	18,586,767	(357,567)
Beli MYR 4,577,800				
Jual USD 1,000,000	12.9.2023	4,577,800	4,645,196	(67,396)
Beli MYR 4,577,800				
Jual USD 1,000,000	12.9.2023	4,577,800	4,645,196	(67,396)
Beli MYR 4,577,800				
Jual USD 1,000,000	12.9.2023	4,577,800	4,645,196	(67,396)
		<u>88,953,670</u>	<u>91,161,605</u>	<u>(2,207,935)</u>

Kerugian bersih daripada liabiliti derivatif (FVTPL)

	30.6.2023 RM	31.12.2022 RM
Kerugian ternyata daripada kontrak mata wang asing hadapan	(1,220,940)	-
Kerugian tidak ternyata nilai saksama daripada kontrak mata wang asing hadapan	(2,207,935)	-
	<u>(3,428,875)</u>	<u>-</u>

10. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	30.6.2023 RM	31.12.2022 RM
Pada kos		
Bank-bank berlesen	41,975,092	121,642,023

Purata wajaran kadar faedah efektif ("PWKFE") tahunan dan purata kematangan bagi simpanan dengan institusi kewangan pada tarikh penyata aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	30.6.2023		31.12.2022	
	PWKFE (% p.a.)	Purata Kematangan (Hari)	PWKFE (% p.a.)	Purata Kematangan (Hari)
Bank-bank berlesen	3.16	7	4.08	7

Tiada deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang lebih daripada 90 hari berjumlah (2022: Tiada).

11. PENDAPATAN BELUM TERIMA

	30.6.2023 RM	31.12.2022 RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain	5,014,729	6,152,121
Dividen belum diterima	656,058	363,509
	<u>5,670,787</u>	<u>6,515,630</u>

12. JUMLAH TERHUTANG KEPADA PNB

	30.6.2023 RM	31.12.2022 RM
Jumlah terhutang kepada PNB:		
Pembatalan unit	18,257,720	3,340,360

13. MODAL PEMEGANG UNIT

	30.6.2023		31.12.2022	
	Unit	RM	Unit	RM
Pada awal tempoh	1,511,700,000	1,543,127,453	1,380,200,000	1,409,716,293
Penjadian unit untuk				
-Jualan	2,300,000	2,247,580	242,900,000	234,398,850
-Pengagihan pendapatan	7,400,000	6,637,060	16,900,000	17,202,510
	<u>9,700,000</u>	<u>8,884,640</u>	<u>259,800,000</u>	<u>251,601,360</u>
Pembatalan unit	(305,800,000)	(289,545,220)	(128,300,000)	(118,190,200)
	<u>(296,100,000)</u>	<u>(280,660,580)</u>	<u>131,500,000</u>	<u>133,411,160</u>
Pada akhir tempoh	<u>1,215,600,000</u>	<u>1,262,466,873</u>	<u>1,511,700,000</u>	<u>1,543,127,453</u>

14. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 30 Jun 2023, PNB secara sah memegang 819,928 (31 Disember 2022 : 961,395) unit, merangkumi 0.07% (31 Disember 2022 : 0.06%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

15. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM / BROKER / DEALER / INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/ broker/ dealer/ institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga adalah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM	%	RM	%
Macquarie Bank Ltd	359,341,423	11.65	221,304	14.08
CLSA Ltd.	247,512,614	8.03	237,646	15.12
Instinet LLC	242,993,283	7.88	114,404	7.28
JPMorgan Chase & Co	218,067,518	7.07	149,744	9.53
Jefferies International Ltd.	215,234,456	6.98	63,373	4.03
Citigroup Global Markets Inc	194,727,526	6.31	110,971	7.06
Exa Broker De Asigurare SRL	157,644,852	5.11	64,538	4.11
PIC Insurance Brokers Ltd.	141,493,293	4.59	65,123	4.14
Maybank Investment Banking Group*	121,668,078	3.95	52,550	3.34
Sanford C Bernstein Ltd.	115,915,260	3.76	79,524	5.06
Lain-lain	1,069,151,782	34.67	412,317	26.25
	<u>3,083,750,085</u>	<u>100.00</u>	<u>1,571,494</u>	<u>100.00</u>

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat tersebut.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

16. PUSING GANTI PORTFOLIO

	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2023	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2022
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	1.19 kali	1.40 kali

17. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2023	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2022
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.74%	0.85%

18. TURUTAN NILAI SAKSAMA

Unit Amanah menggunakan turutan berikut untuk menentukan nilai saksama semua instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama:

Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.

Aras 2 : Input yang berdasarkan data yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan data yang boleh dilihat di pasaran.

30.6.2023	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada FVTPL				
Pelaburan disebut harga	603,530,857	-	-	603,530,857
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	498,820,995	-	498,820,995
	<u>603,530,857</u>	<u>498,820,995</u>	<u>-</u>	<u>1,102,351,852</u>
Liabiliti derivatif pada FVTPL				
kontrak mata wang asing hadapan	-	2,207,935	-	2,207,935
	<u>-</u>	<u>2,207,935</u>	<u>-</u>	<u>2,207,935</u>

31.12.2022	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada FVTOCI				
Pelaburan disebut harga	15,184,120	-	-	15,184,120
	<u>15,184,120</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>15,184,120</u>
Pelaburan pada FVTPL				
Pelaburan disebut harga	610,136,957	-	-	610,136,957
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	582,287,299	-	582,287,299
	<u>610,136,957</u>	<u>582,287,299</u>	<u>-</u>	<u>1,192,424,256</u>

Tiada pindahan dari Aras 1 dan Aras 2 dalam tempoh kewangan semasa dan sebelumnya.

19. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENZAHIRAN BERKAITAN

(i) Tunai dan Persamaan Tunai, Instrumen Pasaran Kewangan, Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham, Tuntutan Cukai, Peruntukan Pengagihan, dan Pendapatan Belum Diterima.

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

(ii) Pelaburan disebut harga

Nilai saksama saham disebut harga, waran dan REITs ditentukan berdasarkan harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia dan Bloomberg untuk pelaburan dalam dan luar negara pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iii) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga

Nilai saksama bagi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, ditentukan berdasarkan harga yang dikeluarkan oleh Bond Pricing Agency Sdn. Bhd., agensi bon berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti, pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iv) Skim pelaburan kolektif

Nilai saksama bagi skim pelaburan kolektif adalah berdasarkan kepada harga terbitan pembelian terakhir.

(v) Derivatif

Nilai saksama bagi liabiliti derivatif yang terdiri daripada kontrak mata wang asing hadapan adalah berdasarkan pada kadar mata wang asing pada tempoh laporan yang disenaraikan oleh Bloomberg berbanding dengan kadar hadapan mata wang asing yang telah dipersetujui dengan broker.

20. LAPORAN BERSEGMEN

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

21. PERBANDINGAN

Perbandingan penyata kewangan adalah seperti berikut:

- (i) Perbandingan penyata kedudukan kewangan dan nota-nota berkenaan adalah pada tarikh 31 Disember 2022.
- (ii) Perbandingan penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai dan nota-nota berkenaan adalah untuk tempoh dari 1 Januari 2022 sehingga 30 Jun 2022.

22. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Persiaran Perdana, 62675 Putrajaya , Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 &18-2, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran Damai Seksyen 11, 40000 Shah Alam , Selangor	No.7 Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor , 45000 Kuala Selangor , Selangor
MELAKA	
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru , 75150 Melaka	NEGERI SEMBILAN No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban , Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh , Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan , Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah , Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan , Pahang	No.8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh , Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 dan A-12A-2 Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas , Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya , Pulau Pinang
PERLIS	
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar , Perlis	No. 15, Jalan Batas Baru, 20300 Kuala Terengganu , Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar , Kedah	No.51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani , Kedah
JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Badar Penggaram 83000 Batu Pahat Johor	Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre 81200 Johor Bahru Johor
No.6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat , Johor	

KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu , Kelantan <i>Ahad - Khamis</i> <i>8:15am - 4:00pm</i> <i>(Kecuali Cuti Umum)</i>	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh , Kelantan <i>Ahad - Khamis</i> <i>8:15am - 4:00pm</i> <i>(Kecuali Cuti Umum)</i>
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal 88100 Kota Kinabalu , Sabah	TB 4287 & TB 4280 Tingkat Bawah & 1 Town Ext II Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau 91000 Tawau , Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu , Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau , Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan , Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching , Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri , Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu , Sarawak	Lot 1457 & 1458 Sg. Kudang Shophouse Ground Floor, Jalan Buangsiol 98700 Limbang , Sarawak
4C, Ground Floor Lot 832 Jalan Sabu 95000 Sri Aman , Sarawak	Lot 1007 & 1008 Jalan Kampung Nyabor 96000 Sibu , Sarawak

9. MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad

197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad

197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 4, Balai PNB

201-A, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

EMEL

asnbcare@pnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 11, Wisma AmanahRaya

No. 2, Jalan Ampang

50508 Kuala Lumpur

TELEFON

03-2036 5129/5003

FAKS

03-2072 0320

EMEL

art@arb.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

